

25/06/2001

Mahkamah Dunia mula kes tuntutan terhadap Pulau Sipadan, Ligitan

Khirul Bahri Basaruddin

FILIPINA yang selama ini tidak pernah menunjukkan minat untuk membuat tuntutan ke atas kedaulatan Pulau Sipadan dan Ligitan, Sabah, mengejutkan rakan Asean pada 13 Mac lalu apabila mengemukakan permohonan mendapat keizinan daripada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Mahkamah Dunia di The Hague, Belanda untuk mencelah tuntutan bertindih Malaysia dan Indonesia ke atas pulau berkenaan.

Sehubungan itu, ICJ yang dianggotai 15 panel hakim yang dipilih oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Majlis Keselamatannya akan mendengar permohonan Filipina dalam persidangannya hari ini.

Malaysia dan Indonesia yang menjadi pihak dalam tuntutan itu membantah keras permohonan Filipina dan sudah mengemukakan pandangan secara bertulis kepada ICJ berhubung permohonan Filipina untuk memohon mendapat keizinan mencelah.

Dalam bantahan itu, Indonesia menyatakan bahawa permohonan Filipina patut ditolak kerana negara itu gagal menunjukkan ia mempunyai kepentingan dari segi undang-undang yang mungkin terjejas berikutan keputusan terhadap kes tuntutan pulau berkenaan.

Malaysia yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negara, Tan Sri Abdul Kadir Mohd, pula menyatakan Filipina tidak mempunyai kepentingan dari segi undang-undang ke atas pertikaian itu dan mahkamah patut menolak permohonan negara itu kerana permintaannya tanpa tujuan.

ICJ memutuskan untuk mengadakan perbicaraan itu berdasarkan kepada Perkara 84, perenggan 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah ICJ untuk mendengar hujah yang akan dikemukakan oleh Filipina, Malaysia dan Indonesia sebelum membuat keputusan sama ada membenarkan permohonan Filipina mendapat keizinan mencelah.

Dalam perbicaraan pusingan pertama, mahkamah akan mendengar hujah daripada wakil Filipina pada 25 Jun dan keesokannya, hujah daripada Indonesia dan Malaysia.

Dalam pusingan kedua pula yang bermula pada 28 Jun, Filipina akan mengemukakan hujahnya dan diikuti keesokannya oleh Indonesia dan Malaysia.

Filipina dalam permohonan mendapat keizinan mencelah menyatakan negara itu ingin menyertai prosiding bagi memastikan sejarah dan hak undang-undang kerajaan negara itu dipelihara dan dilindungi berikutan tuntutannya terhadap kedaulatan dan kekuasaan wilayah Borneo Utara, yang mana hak itu akan terjejas, atau mungkin terjejas berhubung dengan keputusan mahkamah mengenai kedaulatan Pulau Sipadan dan Ligitan.

Negara itu juga ingin memaklumkan kepada mahkamah berhubung kuasa dan had hak negara serta menghargai sepenuhnya peranan penting mahkamah dalam mencegah pertikaian daripada berlarutan.

Bagaimanapun, Filipina menyatakan ia tidak berniat untuk menjadi pihak dalam tuntutan ke atas kedua-dua pulau berkenaan.

Dalam permohonan itu, Filipina juga menyatakan dalam perlembagaan dan perundangan negara itu ada dinyatakan berhubung tuntutan terhadap kedaulatan dan kekuasaan ke atas Borneo Utara yang kini menjadi perkara untuk perbincangan secara diplomatik, perhubungan antarabangsa secara rasmi dan perbincangan secara aman belum lagi mencapai kata putus.

Keputusan yang dibuat oleh mahkamah atau sebahagian keputusan mahkamah yang membuat penilaian terhadap persetujuan khusus, perjanjian dan bukti lain yang mempunyai kaitan dengan kedudukan undang-undang Borneo Utara

yang pasti memberi kesan besar kepada tuntutan bertindih Filipina ke atas wilayah Borneo Utara, dan juga hak undang-undang secara terus dan kepentingan Filipina menyelesaikan tuntutannya secara aman.

Sebelum itu, ICJ dalam persidangan pada 10 November 1998 mengeluarkan perintah mengikut Perkara 40 dan 48 Statut ICJ dan Perkara 39, 40, 44 dan 46 Kaedah-Kaedah Mahkamah ICJ berhubung permohonan Malaysia dan Indonesia merujuk pertikaian mengenai kedaulatan dan kekuasaan wilayah Pulau Sipadan dan Ligitan kepada mahkamah berkenaan untuk keputusan.

Keputusan itu berbunyi: "Melalui surat bersama bertarikh 30 September 1998 yang difailkan di pejabat Pendaftar ICJ pada 2 November 1998, Menteri Luar Indonesia dan Malaysia memaklumkan kepada pendaftar berhubung perjanjian khas di antara dua negara, yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 31 Mei 1997 dan dikuatkuasakan pada 14 Mei 1998, tarikh pengesahan pertukaran suratcara."

Dalam perjanjian khas itu, kedua-dua negara memohon kepada mahkamah supaya menentukan asas persetujuan, perjanjian dan bukti lain yang dikemukakan oleh Indonesia dan Malaysia, sama ada kedaulatan terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan milik Indonesia atau Malaysia.

Mengikut Perkara 40, perenggan 3, Kaedah-Kaedah ICJ, kerajaan Indonesia dan Malaysia memberitahu mahkamah berhubung pelantikan ejen kedua-dua negara itu, iaitu Nugroho Wisnumurti dan Abdul Kadir; Malaysia dan Indonesia menyatakan seterusnya bahawa negara itu melantik ejen bersama.

Mengikut Perkara 3, perenggan 2, Perjanjian Khas itu menyatakan kedua-dua pihak bersetuju untuk mengemukakan tuntutan bertulis kepada pendaftar pada tempoh yang dipersetujui.

Tuntutan ke atas kedaulatan wilayah Pulau Sipadan dan Ligitan bermula sejak 1969 ketika perbincangan di antara kerajaan Malaysia dan Indonesia bagi menetapkan sempadan di antara kedua-dua negara. Selepas itu usaha dua hala untuk menyelesaikan pertikaian itu dijalankan pada 1991.

Pulau Sipadan dan Ligitan terletak di laut wilayah Kalimantan dan berhampiran dengan Sabah. Bermula pada detik itulah, Indonesia mengemukakan tuntutan ke atas kedua-dua pulau itu daripada Malaysia.

Beberapa mesyuarat peringkat Menteri Luar dan pegawai diadakan untuk mencari jalan penyelesaian secara politik dan diplomatik tanpa membabitkan pihak ketiga tetapi usaha itu gagal.

Dalam kunjungannya pada 7 Oktober 1996, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berbincang dengan Presiden Suharto untuk menyelesaikan masalah yang kini sudah 32 tahun usianya.

Dr Mahathir dan Suharto bersetuju supaya pertikaian itu dirujuk kepada ICJ dan Menteri Luar ketika itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan rakan sejawatannya, Ali Alatas, menandatangani persetujuan membawa pertikaian itu kepada ICJ.

(END)